

Askar Wataniah tiga universiti tamat latihan

KOSMO (KOMUNITI) 14 SEPTEMBER 2015
SIAP SIAGA. Seramai 159 anggota Askar Wataniah daripada tiga buah universiti awam telah berjaya menjalani Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Siri 3/2015 yang diadakan di Rejimen 512 AW Kem Padang Midin, Kuala

Terengganu, Terengganu baru-baru ini.

Pelatih itu terdiri daripada pelajar dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Menurut Penasihat Askar Wataniah UMP, Kapten Prof. Madya Ir. Ahmad Ziad Sulaiman, penyertaan pelajar universiti dalam latihan Askar Wataniah dapat menyuburkan semangat patriotik selain membentuk ketahanan diri.



ASKAR Wataniah daripada tiga buah universiti awam bergambar kenangan selepas Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Siri 3/2015 di Rejimen 512 AW Kem Padang Midin, Kuala Terengganu baru-baru ini.